

Kunjungi i-INOVA'13 anjurkan USIM

SEREMBAN 22 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA'13) kali ke-4 di Stadium Tertutup Nilai bermula Jumaat hingga Ahad ini.

Ketua Jawatankuasa Promosinya, Dr. Ahmad Nazrul Rosli berkata, ekspo berkenaan akan memaparkan elemen istimewa yang menjadi fokus utama penganjuran kali ini iaitu penciptaan produk dan bengkel khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

“Satu Karnival OKU akan turut diadakan bagi mendedahkan dan memberikan peluang kepada orang awam merasai persekitaran dan keadaan golongan OKU,” katanya di Nilai, dekat sini hari ini.

Katanya, i-INOVA'13 ini juga akan menyaksikan tiga segmen yang diyakini dapat menarik perhatian pengunjung dan orang ramai ke ekspo itu.

“Tiga acara utama itu ialah pameran yang menyaksikan persaingan produk, seminar kreativiti dan inovasi yang mana akan ada pembentangan kertas kerja oleh pakar dalam bidang inovasi.

“Yang paling menarik ialah program khas keperluan OKU. Kita menjemput orang ramai hadir dalam ekspo ini,” jelasnya.

Tambah Ahmad, penganjuran i-INOVA'13 itu mendapat kerjasama antara USIM, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pendidikan, Akademi Sains Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (USM).

“Antara tujuannya ialah untuk menggalakkan penciptaan produk inovasi dalam kalangan institusi pengajian tinggi dan institut penyelidikan bagi memenuhi keperluan persekitaran dan teknologi terkini melalui elemen inovasi inklusif dan inovasi Islam,” ujar Ahmad.